



Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KPM.600-4/1/1 Jld. 45(5)

Tarikh : 7 Oktober 2025

Encik Mohd Suhaimi bin Ramly
Pengarah Urusan
Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.
100-1, Jalan 2/23A, Off Jalan Genting Klang
53300 Kuala Lumpur

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI
PERTANDINGAN KANGAROO MATH, KANCIL SCIENCE, BEAVER
COMPUTATIONAL, ECONOMICS EXPLORER, EARTH EXPLORER, GALAXY
EXPLORER, LANGUAGE EXPLORER, GEOGRAPHY EXPLORER, BIOLOGY
EXPLORER TAHUN 2025 ANJURAN ARDENT EDUCATIONAL CONSULTANTS
SDN. BHD**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Pertandingan Kangaroo Math, Kancil Science, Beaver Computational, Economics Explorer, Earth Explorer, Galaxy Explorer, Language Explorer, Geography Explorer, Biology Explorer Tahun 2025** pada 31 Januari hingga 31 Oktober 2025.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan II Peringkat Antarabangsa** bagi penyertaan murid dan **Pencapaian Peringkat Antarabangsa** kepada peserta yang mendapat tempat dalam pertandingan ini. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan pelibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di lampiran.

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid dalam program berkenaan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(JALALUDDIN BIN ISMAIL)

b.p. Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

AWZ_pengiktirafan_program_2025

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PELIBATAN DAN
PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI,
SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	i. Program pertandingan/kejohanan/perkhemahan/ kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
PELIBATAN II	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan . ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara
PELIBATAN III	i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung . ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton

SKOR PELIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4